



1. KATEGORI PERTANDINGAN

i. Pertandingan ini dibahagikan kepada satu (1) kategori iaitu:

a) Kategori Sekolah Rendah (Lelaki & Perempuan)

2. PENYERTAAN

i. Terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah yang berumur antara 7 hingga 12 tahun (lelaki dan perempuan).

3. SYARAT PERTANDINGAN

- i. Yuran penyertaan dikenakan adalah sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)** bagi setiap peserta.
- ii. Peserta akan menyampaikan cerita dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengikut pilihan masing-masing.
- iii. Setiap peserta dikehendaki menyampaikan cerita dalam masa 8 minit. Loceng pertama akan dibunyikan setelah 7 minit, dan loceng kedua dibunyikan apabila cukup 8 minit.
- iv. Peserta hendaklah memilih dan menyampaikan sebuah cerita berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- v. Peserta hendaklah memakai pakaian kemas dan menutup aurat (bebas).
- vi. Peserta dibolehkan membawa alat bantu (latar) semasa menyampaikan cerita. (Bukan bunyian)

4. KRITERIA PENGHAKIMAN

i. Penghakiman Bercerita dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

Bil	Perkara	Markah
1.	Isi	40 markah
2.	Penyampaian (Gaya & Kelancaran)	30 markah
3.	Bahasa	30 markah

ii. Jemaah Hakim ini dibantu oleh seorang pengacara majlis dan seorang penjaga masa merangkap pemungut markah.

iii. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**.

5. PILIHAN TAJUK CERITA

Bil	Tajuk	Nama Nabi/Rasul
1.	Peristiwa Nuzul Al-Quran	Nabi Muhammad S.A.W
2.	Keangkuhan Firaun	Nabi Musa A.S
3.	Mukjizat Nabi Salleh A.S	Nabi Salleh A.S
4.	Kebijaksanaan Luqman Al-Hakim	Nabi Daud A.S
5.	Peristiwa Isra' Mi'raj	Nabi Muhammad S.A.W
6.	Raja Zamrud yang sombong	Nabi Ibrahim A.S
7.	Mukjizat Isa A.S	Nabi Isa A.S
8.	Kehidupan Iskandar Zulkarnain	-

6. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

JOHAN:

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

NAIB JOHAN:

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

KETIGA:

Wang Tunai + Trofi + Sijil Penyertaan.

7. LAIN-LAIN KETERANGAN

- i. Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah di atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- ii. Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- iii. Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak penganjur pertandingan.

- iv. Hanya **dua puluh lima (25) penyertaan terawal** sahaja akan diterima untuk bertanding.
- v. **Borang Pendaftaran dan Borang Pengesahan Bayaran Yuran (beserta slip transaksi dari bank)** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **28 JULAI 2023 (JUMAAT)**.
- vi. Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Bercerita Kisah Al-Quran:
 - Dr. Sharon Ong Yong Yee (+6014-2081560) / sharon.ong@upm.edu.my